

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



RAMADHAN

Ditulis oleh: Nur'Ain Binti Zuraimi

Dr. Rafidah Kamarudin

Dr. Amalia Qistina Castañeda Abdullah

Mazliyana Zainal Arifin

Ramadhan Al-Mubarak adalah bulan yang sangat bermakna untuk penganut beragama Islam di seluruh dunia. Bulan Ramadhan ini atau dikenali sebagai bulan puasa ialah bulan ke-sembilan yang sangat mulia di antara dua belas bulan di dalam kalendar Hijrah. Umat Islam wajib berpuasa pada siang hari dari sekitar jam enam pagi hingga sekitar tujuh petang (6am-7pm). Mereka harus berpuasa dari makan dan minum; tambahan lagi puasa ini juga salah satu cara untuk membersihkan hati dan melakukan ibadah dengan sebaik mungkin.

Bulan Ramadhan ini sangat agung kerana peristiwa penting dimana lima ayat pertama Al-Quran iaitu surah al-Alaq diturunkan pada malam tujuh belas (17) Ramadhan dan dikenali sebagai Nuzul Quran. Seterusnya, bulan mulia ini juga mempunyai manfaat yang banyak dimana umat Islam beribadah dengan telus, bersedekah, bertadarus, iftar (berbuka puasa), dan solat tarawih. Menariknya, solat ini hanya dilakukan pada bulan Ramadan sahaja setiap tahun.

Tarawikh atau tarawih adalah solat sunat dua (2) rakaat satu (1) salam yang boleh

dilakukan sehingga dua puluh (20) rakaat. Di Malaysia; kebanyakan masjid akan melakukan solat tarawih sehingga dua puluh (20) rakaat tetapi ada juga yang mendirikan solat lapan (8) rakaat sahaja. Solat tarawih ini juga boleh dilakukan bersendirian atau berjemaah; namun lagi afdhal berjemaah dan mendirikan solat ini sekurang-kurangnya lapan (8) rakaat.

PELBAGAI HUKUM & FATWA

HUKUM SOLAT TARAWIH SECARA BERSENDIRIAN

Imam Nawawi Rahimahullah membahagikan kepada 2 pendapat:

1. Imam Al-Syafi'e dan jumhur berpendapat:
 - Afdhal solat tarawih secara berjemaah
2. Imam Malik, Abu Yusuf, dan sebahagian Syafi'yyah berpendapat:
 - Afdhal menunaikan solat tarawih secara bersendirian di rumah.

Sahibus Samahah
Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri menyimpulkan:

Hukum menunaikan solat tarawih secara bersendirian adalah dibolehkan, dan yang paling afdhal adalah menunaikannya secara berjemaah.

ارشاد الفتوى
Irsyad al-Fatwa

PERKES
SUMBER
<http://www.perkes.gov.my>
IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN 1438
HUKUM SOLAT TARAWIH SECARA BERSENDIRIAN

Multi Wilayah Persekutuan @drzul_albakri @drzulkifli.albakri Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Gambar 1: Hukum solat tarawih

Seterusnya rukun solat tarawih hanyalah rukun solat yang biasa seperti solat harian. Berwudhu dan menunaikan solat tarawih apabila selesai solat fardhu dan solat sunat Isyak. Solat tarawih juga diselangi dengan bacaan selawat dan wirid sebelum, di antara dan selepas solat. Sekiranya jemaah secara bersendirian lupa akan selawat tersebut, tidak salah untuk menunaikan solat sunat ini.

Namun, dibaca adalah lebih baik untuk diamalkan pada bulan yang mulia ini.

<p>BACAAN SEBELUM MEMULAKAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH</p>	<p>BACAAN SEBELUM SEMBAHYANG</p>
<p>BILAL</p> <p>سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ.</p>	
<p>JEMAAH</p> <p>صَلِّ اللَّهُ وَسَلِّمْ عَلَيْهِ.</p>	
<p>BILAL</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.</p>	
<p>JEMAAH</p> <p>صَلِّ اللَّهُ وَسَلِّمْ عَلَيْهِ.</p>	
<p>BILAL</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَدُخْرِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ.</p>	
<p>JEMAAH</p> <p>صَلِّ اللَّهُ وَسَلِّمْ عَلَيْهِ.</p>	
<p>BILAL</p> <p>صَلَاةَ التَّرَاوِيحِ مِنْ قِيَامِ شَهْرِ رَمَضَانَ أَتَانِيكُمْ اللهُ.</p>	
<p>JEMAAH</p> <p>الصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ.</p>	

Gambar 2: Bacaan selawat

Selesaiya solat sunat tarawih, para jemaah akan menunaikan solat sunat witr bersamaan tiga (3) rakaat dua (2) salam. Solat sunat ini seperti solat sunat lain cuma rakaatnya adalah ganjil. Pada hujung Ramadhan; malam enam belas (16) solat sunat witr ini akan ditambah dengan bacaan doa Qunut pada rakaat terakhir selepas ruku'.

Setelah selesai menunaikan kesemua solat sunat, para jemaah akan dihidangkan dengan jamuan ringan atau dikenali sebagai moreh. Kebanyakan masjid atau surau menyediakan moreh ini untuk para jemaah yang datang seperti makanan ringan, kuih-muih dan minuman panas.

Bulan Ramadhan ini juga mempunyai satu malam yang sangat istimewa pada sepuluh (10) malam yang terakhir; terdapat satu malam yang sangat dinanti-nantikan oleh semua umat Islam iaitu malam Laylatul-Qadr. Malam Laylatul-Qadar ini tidak diketahui waktunya namun umat Islam percaya di antara sepuluh (10) malam ini, terdapat satu malam agung dan dipercayai malam khusus ini berlaku pada malam ganjil; malam 21, 23, 25, 27 dan 29 Ramadhan.



Berdasarkan sebuah hadith, daripada Jabir bin Samurah Ra, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْاَوَاخِرِ وَثَرًا

Maksudnya: "Carilah malam al-Qadar pada sepuluh malam terakhir pada malam yang ganjil". [Riwayat Ahmad, no.Hadith 85]

Kebanyakannya, para ulama dan umat Islam mempercayai malam khusus ini terjadi pada malam 27 Ramadhan. Walaubagaimanapun, hanya Allah S.W.T yang lebih mengetahuinya. Para umat Islam

harus menghidupkan malam sepuluh (10) akhir ini dengan menunaikan ibadah Qiamullail dengan lebih baik dari malam-malam Ramadhan yang lain untuk memburu malam Laylatul-Qadr.

Ramadhan adalah salah satu bulan Islam yang penuh dengan manfaat dan kelebihan tersendiri. Bulan-bulan yang lain juga sama; mempunyai manfaatnya. Seharusnya, umat Islam sentiasa bersungguh-sungguh untuk melakukan ibadah dan pekerjaan seharian secara ilmiah dan rohaniah.

Rujukan:

Badra (2024) JAKIM: Panduan Solat Jemaah dan Bersendirian. Dicapai di https://ecentral.my/solat-tarawih/#Cara_Solat_Terawih

Ayoub, M. M (2016) Irsyad Al-Hadith Siri ke 96: Memburu Lailatul Qadar (Malam Al-Qadar). Dicapai di <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1079-irsyad-al-hadith-siri-ke-96-memburu-lailatul-qadar-malam-al-qadar>